

Ucapan  
Yang Berbahagia

Brig. Jeneral Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Bin Haji Ampon  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sabah

sempena

Seminar Kebangsaan 1Malaysia

1 November 2010  
DKP 1  
UMS

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.

1. Penggerusi Seminar Kebangsaan 1Malaysia, Prof. Madya Dr. Andreas Totu yang juga Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS.
2. Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan, ahli forum, pembentang dan peserta, kerabat kerja yang dihormati sekalian.
3. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur iaitu Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa di atas kesudian mereka mengundang saya ke Seminar Kebangsaan 1Malaysia yang penuh bermakna ini.
4. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa kerana berjaya menganjurkan seminar yang julung-julung kalinya diadakan ini.

5. Sesungguhnya penganjuran seminar berskala kebangsaan ini merupakan manifestasi Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa dalam menjayakan misi Universiti Malaysia Sabah iaitu bertekad mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu.
6. Seminar ini diharap dapat menjadi platform ahli akademik untuk menilai Gagasan 1Malaysia, mengatasi kemelut dan kesangsian terhadap Gagasan 1 Malaysia, mengenal pasti masalah dan cabaran perlaksanaan Gagasan 1Malaysia dan seterusnya memperkaya isi kandungan serta memantapkan kefahaman intelektual Gagasan 1Malaysia.

## **GAGASAN 1MALAYSIA**

1. Telah banyak yang diperkatakan dan diperdebatkan di media massa tentang apakah itu yang dimaksudkan dengan Gagasan 1Malaysia. Walaubagaimanapun, saya hanya akan menumpukan perhatian hadiran sekalian kepada Tiga Prinsip Teras yang menjadi tunjang Gagasan 1Malaysia.

2. 1Malaysia ialah satu gagasan bertujuan memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dengan moto : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.
3. Ia berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia.
4. Ia adalah cetusan idea Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang ke-6, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak.
5. Gagasan 1Malaysia ini tidak sekali-kali lari daripada apa yang telah dimaktub dan dimuafakatkan melalui undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan prinsip-prinsip Rukun Negara.
6. Terdapat tiga prinsip teras Gagasan 1Malaysia iaitu Prinsip Penerimaan, Prinsip Kenegaraan dan Prinsip Keadilan Sosial.

### *Prinsip Penerimaan*

7. Gagasan 1Malaysia bermatlamat untuk mengekal dan meningkatkan perpaduan dalam kepelbagaian yang selama ini menjadi kekuatan Malaysia serta rakyatnya dan kelebihan ini akan dipelihara sebagai bekalan terbaik kita untuk menghadapi sebarang cabaran.

### *Prinsip Kenegaraan*

8. Perpaduan sememangnya telah membentuk teras utama dalam hala tuju negara menuju kecemerlangan bermula sejak kemerdekaan dicapai. Gagasan 1Malaysia bertujuan menyemarakkan semula semangat perpaduan dan persaudaraan di kalangan rakyat Malaysia.

### *Prinsip Keadilan Sosial*

9. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu, dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar.

## PENGHARAPAN TERHADAP SEMINAR KEBANGSAAN 1MALAYSIA

1. Seminar ini mengambil tema “1 Malaysia: Realiti Bersama” adalah seiring dengan gagasan 1Malaysia.
2. Tema ini sangat bertepatan dengan tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia yang menerima negara yang tercinta ini sebagai negara milik bersama; bahkan dengan kita bersama-sama menginsafi peri pentingnya perkongsian hidup secara bersama dalam realiti kemalaysiaan, di bawah naungan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
3. Di sinilah kita lahir, di sinilah kita hidup dan di sinilah kita mati sebagai warga se-Malaysia. Inilah satu-satunya negara kita dan di negara inilah dicurahkan seluru ketaatan dan kesetiaan, berteraskan prinsip-prinsip Rukun Negara.

## PENUTUP

1. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengajur yang telah berjaya menganjurkan seminar ini.
2. Saya berharap agar lebih banyak lagi usaha ke arah memperkuuh dan memperkasakan Gagasan 1Malaysia oleh pelbagai samada pihak kerajaan atau swasta hatta badan bukan kerajaan sekalipun di Malaysia ini.
3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berseminar selama dua hari berturut-turut kepada pembentang dan peserta dari seluruh pelusuk tanah air.

4. Saya berharap agar segala input yang diperoleh semasa berseminar kelak akan menambahbaikan dan memperkuuhkan kefahaman dan pemahaman komuniti intelektual tentang Gagasan 1Malaysia.
5. Justeru, saya percaya seminar ini mampu memainkan peranan sebagai wahana penting untuk mempertegas gagasan 1Malaysia seterusnya menjadi kesinambungan aspirasi Dasar Pembangunan Nasional dan Wawasan 2020.
6. Dengan lafaz Bismilaahirahmanhirahim, saya merasmikan Seminar Kebangsaan 1Malaysia.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.